

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15 FEBRUARY 2017

Dr. Mahathir hanya liabiliti pembangkang

WM-15/2/2017

KUALA LUMPUR 14 Feb. - Matlamat DAP untuk menjadikan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai 'aset' dalam pakatan pembangkang tidak kesampaian apabila bekas Perdana Menteri itu kini telah bertukar menjadi liabiliti.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Dr. Mohd. Puad Zarkashi berkata, perkara itu terbukti setelah seorang Ahli Parlimen dan tiga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) DAP dari Melaka mengumumkan keluar parti disebabkan rasa kecewa dan hilang kepercayaan terhadap kepemimpinan parti tersebut.

Malah katanya, kehadiran Dr. Mahathir bukan sahaja membantutkan usaha itu, tetapi turut gagal mendapatkan sokongan orang Melayu.

"Sebenarnya kehadiran Dr. Mahathir tidak menolong mendapatkan sokongan berganda kepada sesiapa pun atau membantu usaha DAP memperoleh sokongan Melayu. Sebab itu empat wakil rakyat DAP di Melaka keluar parti. Matlamat menjadikan Dr. Mahathir sebagai aset kini bertukar menjadi liabiliti," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

DAP mula menerima tamparan apabila Ahli Parlimen Kota Melaka, Sim Tong Him; ADUN Duyong, Goh Leong San; ADUN Bachang, Lim Jak Wong dan ADUN Kesidang, Chin Choong Seong bertindak meninggalkan DAP kerana sudah tidak sependapat dengan pendirian serta hala tuju politik parti itu kebelakangan ini.

Sementara itu Mohd. Puad berkata, matlamat DAP dalam 'mempergunakan' Dr. Mahathir untuk memancing Pas ternyata gagal sehinggakan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu sanggup bertemu Datuk Seri Anwar Ibrahim, kononnya mampu 'melembutkan' hati Pas.

Katanya, walaupun sedar sedang menagih simpati Pas, Dr. Mahathir masih lagi menggelarkan Datuk Seri Abdul Hadi Awang sebagai pembesar hanya kerana sikap Presiden Pas itu yang enggan bertemu Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk menjalinkan kerjasama antara kedua-dua parti tersebut.

"Kenyataan sinikal Dr. Mahathir menuduh Abdul Hadi berlagak pembesar kerana tidak



Sebenarnya kehadiran Dr. Mahathir tidak menolong mendapatkan sokongan berganda kepada sesiapa pun atau membantu usaha DAP memperoleh sokongan Melayu. Sebab itu empat wakil rakyat DAP di Melaka keluar parti. Matlamat menjadikan Dr. Mahathir sebagai aset kini bertukar menjadi liabiliti."

MOHD. PUAD ZARKASHI
Ahli Majlis Tertinggi UMNO

mahu berjumpa Presiden PPBM itu sudah tentu mengguris hati penyokong Pas. Memberi tempoh sebulan (keputusan untuk kerjasama) umpama memberi kata dua kepada Pas. Tetapi apa hak Dr. Mahathir memberi kata dua tersebut, bila masa pula beliau menjadi jurucakap pakatan pembangkang?

"Memang wajar pun Abdul Hadi enggan berjumpa Muhyiddin kerana beliau pun tahu Muhyiddin hanyalah boneka walaupun beliau Presiden parti. Dr. Mahathir adalah Pengerusi PPBM tetapi nampaknya lebih berkuasa daripada Muhyiddin. Dr. Mahathir buat kenyataan, dia jumpa Anwar, dia jumpa Lim Kit Siang. Sudah tentu Muhyiddin kecil hati," katanya.